

**PENONJOLAN BUDAYA MASYARAKAT BABA DAN NYONYA MELALUI**

**REKACORAK PAKAIAN**

**OLEH**

**RAFIDAH A'ILYAN BINTI ABD RAZAK**

**98414325**

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Senilukis dan Senireka, Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Senilukis dan Senireka Fesyen

1. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
2. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
3. Diperiksa oleh..... Tarikh.....

**Dekan**

**Fakulti Senilukis dan Senireka**

**Universiti Teknologi Mara**

**40405 Shah Alam**

**Selangor Darul Ehsan**

## SINOPSIS

Melalui bukti sejarah didapati bahawa orang Cina telah mengunjungi Tanah Melayu ini semenjak awal abad ke 15 tetapi mereka hanyalah sebagai pendatang dan akan kembali ke negeri China setelah semua urusan perniagaan selesai. Dengan pembukaan Pulau Pinang oleh Inggeris dalam tahun 1786 dan Melaka pula dijadikan tanah jajahan Inggeris dalam tahun 1824, ekoran daripada perjanjian Inggeris – Belanda dan dalam tahun 1819 pula Singapura telah jatuh ke tangan Inggeris. Semenjak Inggeris berkuasa itulah orang – orang Cina menetap di negeri – negeri Selat (Melaka, Pulau Pinang, Singapura).

Orang Cina yang menetap di negeri – negeri Selat ini biasanya dipanggil Baba dan Nyonya atau golongan Cina Peranakan. Mereka menggelarkan diri mereka sebagai Baba kerana kebudayaan mereka berasal daripada warisan tradisi Cina tetapi juga mempunyai pengaruh kebudayaan Melayu. Masyarakat Baba dan Nyonya ini telah mengambil beberapa aspek kebudayaan Melayu dan Inggeris dalam kehidupan mereka.

Masyarakat Baba dan Nyonya adalah segolongan kaum Cina yang unik kedudukannya di antara kaum Cina yang terdapat di Malaysia dan Singapura. Kebanyakan mereka tidak boleh bertutur dalam Bahasa Cina tetapi bertutur dalam bahasa pasar atau Bahasa Melayu Peranakan iaitu mirip kepada Bahasa Melayu. Generasi Nyonya (Baba Perempuan) masih memakai pakaian kebaya dan kain sarung sebagaimana yang dipakai oleh orang – orang Melayu. Kebaya yang mereka pakai lebih menarik kerana terdapat banyak sulaman – sulaman daripada benang yang berwarna – warni yang disulam berbagai bentuk seperti bunga, daun dan sebagainya.

**ISI KANDUNGAN**

Halaman Pemeriksa

Penghargaan

Sinopsis

Jadual Isi Kandungan

Pengenalan 1 - 2

Sejarah Kedatangan Masyarakat Baba dan Nyonya di Tanah Melayu 3 - 4

Budaya Masyarakat Baba dan Nyonya 5 - 6

3.1 Perubahan Budaya 7 - 8

3.2 Bahasa Pertuturan 9 - 11

3.3 Kepercayaan 12 - 13

3.4 Perkembangan Kesusasteraan 14 - 15

3.5 Istiadat Perkahwinan 16 - 17

3.6 Istiadat Kelahiran 18 - 19

3.7 Istiadat Kematian 20 - 21

Kepelbagaian warna dapat menimbulkan corak yang indah, menarik dan jelas pada sulaman-sulaman Nyonya. Motif manusia dan binatang yang memperlihatkan budaya kaum Cina dapat dilihat dengan jelas dalam sulaman Nyonya. Selain daripada motif rama-rama dan burung, naga juga digunakan kerana ia merupakan binatang kebanggaan bagi masyarakat Baba dan Nyonya. Terdapat juga motif manusia iaitu digambarkan beberapa orang lelaki berjanggut, memegang tongkat ditangannya dan kelihatan tenang dan bahagia. Simbol ini adalah untuk menunjukkan kebahagiaan, sentiasa sihat, mendapat rahmat, mendapat anak yang baik dan berpengetahuan. Lelaki itu dianggap sebagai Tuhan atau Dato anak-anak.

Motif-motif ini disusun untuk membentuk corak. Jika motif ini disusun di bahagian pinggir, jadilah ia bahagian pinggir dalam sesuatu bahan itu. Oleh itu kita dapati alam sekitar telah membekalkan sumber dan ilham kepada manusia untuk menghasilkan rekacorak individu sebagai hasil kreatif. Syed Ahmad Jamal telah menjelaskan:

*“ Elemen-elemen tampak itu berubah rupa , sesuai dengan kehendak seniman dan tujuan penggunaan tetapi masih terdapat sifat asalnya, bunga tidak seperti bunga, daun tidak seperti daun, ia disusun dalam susunan seperti awan berarak”.*<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Siri Kraf Tangan, Sulaman Nyonya-page 24

## **SEJARAH KEDATANGAN MASYARAKAT BABA DAN NYONYA DI TANAH MELAYU**

Masyarakat Baba dan Nyonya wujud kesan daripada perkahwinan antara lelaki berketurunan Cina dengan perempuan Melayu. Walaupun teori ini telah dipersetujui oleh kebanyakan sejarawan, tetapi terdapat faktor dominan lain yang mempengaruhi pembentukan masyarakat Baba dan Nyonya itu sendiri.

Kebanyakan masyarakat Baba dan Nyonya wujud disebabkan pengaruh budaya setempat yang digabungkan dengan budaya Cina sehingga identiti Cina turut berubah. Pada masa itu kebudayaan masyarakat Cina tidak banyak berubah kerana mereka masih berupaya mengekalkan kebudayaan secara total. Lama – kelamaan barulah kebudayaan mereka tidak lagi seratus peratus amalan yang diwarisi sejak dahulu lagi.

Sebelum kedatangan Islam masyarakat Cina dengan Melayu boleh berkahwin tanpa melibatkan pengaruh agama ke dalam masyarakat Melayu. Perkahwinan campur antara orang Cina dengan Melayu membolehkan lelaki Cina diserapkan ke dalam masyarakat Melayu atau perempuan Melayu itu boleh diserapkan ke dalam masyarakat lelaki Cina.

Pada abad keempat belas, kebanyakan pengiring Puteri Hang Li Po yang berkahwin dengan Sultan Mansur Syah telah menetap di Melaka. Oleh kerana mereka sentiasa berinteraksi dengan masyarakat setempat sedikit sebanyak telah menjadikan budaya mereka budaya campuran antara budaya bangsa mereka dan budaya tempatan.

Sekitar abad ke – 19, penghijrahan orang Cina secara besar – besaran menyebabkan lebih ramai perempuan Indonesia dibawa masuk ke Melaka. Kebanyakan perempuan Indonesia ini dijadikan sebagai pembantu rumah atau buruh ladang oleh lelaki Cina yang kaya.